

## Extol sasar 60 peratus pendapatan luar

**E**XTOL MSC Bhd, sebuah syarikat penyedia penyelesaian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menasarkkan pasaran luar negara akan menyumbang sebanyak 60 peratus kepada pendapatannya dalam tempoh tiga tahun akan datang daripada hanya dua peratus sekarang hasil pelaksanaan program francais.

Ketua Eksekutifnya, Justin Tan berkata, sistem francais didapati lebih berkesan bagi membantu syarikat itu mengembangkan penguasaan pasaran di luar negara daripada membuka cawangan sendiri.

Katanya, selain Afrika, Pakistan dan Indonesia, Extol bercadang untuk menerokai pasaran Asia Barat dan Jerman tahun ini bagi mengembangkan perniagaannya di luar negara.

"Tahun ini kami merancang untuk melantik dua francais yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pemasaran di luar negara.

"Ia dapat mengembangkan perniagaan luar negara kami dan tidak perlu bergantung kepada pelanggan antarabangsa yang beroperasi di Malaysia bagi mendapatkan projek di negara luar," ka-



DARI kiri, Xavier, Dr Roslan, Madinah dan Justin pada majlis perasmian pusat penyelidikan keselamatan maklumat dan operasi Extol Kerinchi di Kuala Lumpur, minggu lalu.

tanya selepas perasmian pusat penyelidikan keselamatan maklumat dan operasi Extol Kerinchi di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Pusat baru itu dirasmikan Timbalan Setiausaha untuk Polisi Am Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datin Madinah Mohamad. Turut hadir Pengasas Extol MSC Berhad,

Xavier Tan dan Pengarah ICT, Dr Roslan Ahmad.

Pusat penyelidikan keselamatan maklumat dan operasi Extol Kerinchi bertempat di Wisma UOA Pantai itu berperanan untuk melaksanakan penyelidikan dalam pembangunan ICT yang melibatkan teknologi Kepintaran Bustan (AI) dan ancaman keselamatan.

Tan berkata, syarikat itu melabur lebih RMI juta bagi membuka pusat baru itu yang mampu menyampaikan sistem penyampaian lebih berkesan kepada pelanggan.

Pusat itu, katanya, berperanan melaksanakan penyelidikan dalam segmen AI dan ancaman secara menyeluruh dengan lebih cekap dan cepat.